

10/01/1999

Rombakan persediaan hadapi pilihan raya

A Kadir Jasin

PELANTIKAN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri pada Jumaat lalu, kenaikan pangkat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman kepada menteri penuh semalam dan rombakan Kabinet dijangka memberi kesan besar kepada Umno dan kerajaan.

Sekali gus ia mengekalkan kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai strategis politik yang sukar ditandingi dan menolak tuduhan beliau tidak dengar nasihat.

Keputusan beliau mengubah pendirian awalnya tidak melantik Timbalan Perdana Menteri sehingga selepas pemilihan parti yang asalnya dijadualkan pertengahan tahun ini membuktikan yang beliau mendengar nasihat.

Sejak pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet pada 2 September lalu dan daripada Umno pada hari berikutnya, banyak pihak termasuk menteri besar, ketua menteri dan ahli Majlis Tertinggi menyuarakan pendapat, kekosongan itu perlu segera diisi.

Dr Mahathir pula berpendapat pelantikan ke jawatan itu akan mempengaruhi pertandingan pucuk pimpinan parti.

Pada masa yang sama beliau mengakui pengisian jawatan itu penting seandainya sesuatu berlaku kepadanya.

Dilema ini diatasi apabila Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya kelmarin, memutuskan untuk menangguh pemilihan parti sehingga selepas pilihan raya umum. Perlembagaan parti yang baru dipinda membenarkan penangguhan itu.

Pelantikan Abdullah, kenaikan pangkat Zaharah dan Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, pemberian tugas tambahan kepada Tun Daim Zainuddin serta pelepasan jawatan Menteri Dalam Negeri dan Kewangan oleh Perdana Menteri boleh dilihat sebagai persediaan menghadapi pilihan raya selain memperkukuhkan pentadbiran.

Sumber yang rapat dengan Umno dan kerajaan berkata, Dr Mahathir melepaskan dua jawatan itu untuk memumpukan perhatian kepada tugas Perdana Menteri dan parti.

Mereka menjangka beliau memberikan perhatian lebih berat kepada kegiatan akar umbi Umno dan Barisan Nasional (BN) sebagai persiapan menghadapi pilihan raya yang mungkin diadakan tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun depan.

Ia boleh juga dilihat sebagai isyarat beliau tetap dengan rancangan mengundurkan diri dalam jangka masa singkat. Dr Mahathir berulang kali menyatakan secara terbuka yang beliau pada awalnya bercadang meletakkan jawatan akhir tahun lalu.

Sumber yang rapat dan arif dengan pemikiran Dr Mahathir berpendapat beliau mungkin berhasrat mengekalkan jawatan untuk setahun dua lagi bagi memulihkan ekonomi dan memimpin BN pada pilihan raya akan datang.

Penyerahan Kementerian Dalam Negeri yang disandangnya sejak 1986 kepada Abdullah boleh dimengertikan sebagai tanda kepercayaan dan keyakinan beliau kepada timbalan barunya.

Ini kali kedua Dr Mahathir menyerahkan kementerian itu kepada timbalannya. Kali pertama kepada Tan Sri Musa Hitam antara 1981 sehingga beliau meletakkan jawatan pada 1986.

Pelantikan Daim sebagai Menteri Kewangan pula diibaratkan sirih pulang ke gagang dan tidak memeranjatkan. Umum memahami keakraban Dr Mahathir dan Daim, serta kepakaran Daim sebagai pengurus ekonomi dan kewangan.

Daim sudah mula melaksanakan sebahagian besar tugas ini apabila dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Menteri

Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab terhadap pembangunan ekonomi.

Dr Mahathir mengambil alih sementara jawatan Menteri Kewangan berikutan penyingkiran Anwar. Selain meneruskan usaha memulihkan ekonomi negara, kuasa yang lebih kepada Daim tidak menggugat parti atau kerajaan kerana beliau secara terbuka berkata, tidak berminat dalam politik.

Katanya, beliau akan kekal dalam kerajaan hanya sehingga ekonomi pulih. Selepas itu, Daim akan menyambung semula `persaraannya`.

Selain Abdullah, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tengku Razaleigh Hamzah, nama Daim turut disebut sebagai calon Timbalan Perdana Menteri. Tetapi Daim dari awal lagi menolaknya sebagai satu kemustahilan.

Keputusan Dr Mahathir melantik Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri mungkin memmeranjatkan sesetengah pihak, tetapi tidak kurang pula yang dari awal berpendapat beliaulah paling sesuai antara calon yang disebut-sebut namanya.

Walaupun Abdullah disebut sebagai calon paling layak dan namanya dikatakan `teratas` pada awal krisis politik, profil beliau semakin tidak ketara selepas Perdana Menteri mengumumkan tidak akan melantik Timbalan Perdana Menteri.

Sebaliknya, menurut pemerhati dan penganalisis politik, profil politik Najib dan Tengku Razaleigh bertambah ketara.

Malah, `saingan terhad dan tersembunyi` dikatakan berlaku antara penyokong Najib dan Tengku Razaleigh.

Penyokong Najib diketahui bimbang dan kurang senang dengan sekumpulan pemimpin pertengahan Umno yang `berkempen` di seluruh negara untuk menaikkan imej dan profil Tengku Razaleigh.

Dan bukan rahsia lagi bahawa ahli Majlis Tertinggi, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir cukup cergas dalam gerakan itu.

Maka tentulah menarik apabila dalam rombakan Kabinet dan pertukaran Timbalan Menteri, Kadir dipindahkan dari Kementerian Sumber Manusia ke Kementerian Dalam Negeri sebagai penolong Abdullah.

Demikian juga Senator Datuk Ibrahim Ali yang dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah mungkin tidak boleh mengisi setiap retak dan lubang politik serta pentadbiran yang hendak ditampal oleh Dr Mahathir, tetapi beliau antara yang paling sesuai dalam keadaan sekarang.

Beliau sudah lama dalam politik Umno dan membuktikan taat setianya kepada parti. Beliau menyertai Umno pada 1965 dan menjadi Ahli Parlimen sejak 1978.

Keluarganya ahli pengasas Umno. Bapanya, Datuk Ahmad Badawi, menjadi Naib Ketua Pemuda Umno Malaysia selama 18 tahun dan neneknya seorang ulama terkemuka.

Abdullah sendiri belajar di sekolah agama dan lulus sarjana muda pengajian Islam dari Universiti Malaya.

Abdullah mencatat nama dalam perkhidmatan awam apabila sebagai pegawai tadbir muda, beliau dilantik sebagai setiausaha kanan Majlis Gerakan Negara yang mentadbir negara selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei, 1969.

Ia mungkin ironi, tetapi kesesuaian Abdullah dan penerimaan umum terhadapnya banyak bergantung kepada keperibadiannya yang tidak menonjol dan hakikat beliau bukan seorang ahli politik atau individu yang kontroversi.

Satu-satunya kontroversi yang boleh dikaitkan dengan beliau ialah penyertaannya dalam percubaan Team B pimpinan Tengku Razaleigh menggulingkan Dr Mahathir pada pemilihan parti 1986.

Namun, percubaan yang gagal itu tidak banyak menjejaskan imej Abdullah dalam parti kerana beliau tidak meninggalkan Umno atau mengambil tindakan yang mengancam parti. Beliau terus setia kepada Umno walaupun digugurkan

daripada Kabinet.

Abdullah mungkin tidak dapat atau tidak berhasrat menonjolkan dirinya sebagai pemimpin parti dan Timbalan Perdana Menteri yang agresif, tetapi sifatnya yang sederhana boleh membantu memulihkan sokongan ahli Umno kepada kepimpinan parti dan rakyat jelata kepada kerajaan.

Ini penting memandangkan keputusan Majlis Tertinggi menangguhkan pemilihan parti sehingga selepas pilihan raya umum.

Serentak itu, Umno dan BN pasti mengalami perjuangan getir untuk mempertahankan kedudukan dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam konteks yang sama, keputusan Dr Mahathir menaikkan pangkat Dr Siti Zaharah yang diketahui umum rapat dengan Anwar adalah langkah positif yang membayangkan pengiktirafan beliau kepada keputusan ahli parti.

Ia juga membuktikan pengiktirafan kepimpinan parti terhadap pentingnya wanita dalam politik dan pentadbiran negara.

Keberkesanan Wanita Umno pada pilihan raya tidak pernah dipertikaikan. Mungkin elok difikirkan secara mendalam penyertaan lebih ramai calon wanita pada pilihan raya akan datang.

Sepanjang mengenai Najib, pelantikan Abdullah tidak bermakna beliau tercicir atau diketepikan. Beliau masih muda - baru 45 tahun - dan mempunyai kedudukan kuat dalam parti dan kerajaan.

Kejanya sebagai Menteri Pendidikan mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara. Jika beliau bijak mengendalikan politiknya dan tidak tergesa-gesa, tempatnya dalam barisan pewaris terjamin.

Mengenai Tengku Razaleigh pula, jikalau benar ramalan beliau antara calon Timbalan Perdana Menteri, hakikat beliau tidak terpilih bukanlah kerana permusuhannya dengan Dr Mahathir pada masa lampau. Perhubungan beliau dan Dr Mahathir pulih dengan luar biasa sejak setahun dua ini.

Sebarang keraguan ialah mengenai penerimaan ahli dan pemimpin akar umbi Umno terhadap Tengku Razaleigh yang pada dua pilihan raya umum - 1990 dan 1995 - adalah musuh ketat mereka.

Mungkin tidak sukar bagi Dr Mahathir dan pemimpin tertinggi Umno menerima Tengku Razaleigh dan bekas pemimpin Parti Semangat 46 lain seperti sedia kala.

Tetapi bagi ahli biasa dan pemimpin bawahan yang berhadapan dengan Semangat 46 dan sekutunya seperti Pas, perdamaian dan kemaafan mungkin lebih sukar dicapai.

Namun, pada penghujungnya, pelantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri, kenaikan pangkat beberapa pemimpin muda dan rombakan Kabinet hanyalah cara untuk mencapai matlamat lebih besar.

Ia adalah langkah memperkukuhkan Umno, BN dan kerajaan supaya keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

(END)